

# ‘Abdullah Paderi’: Perbandingan Unsur Nasihat dalam *Hikayat Abdullah* dengan *Al-Quran* dan *Hadis*

*‘Abdullah The Priest’: A Comparison of Advice on  
Hikayat Abdullah with Al-Quran And Hadith*

Nur Farhana Adanan  
Rahimah Hamdan

Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

## ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti unsur nasihat dalam karya autobiografi terawal *Hikayat Abdullah* dan membandingkannya dengan *Al-Quran* dan *Hadis*. Ini adalah rentetan daripada penobatan Abdullah Munshi sebagai ‘Bapa Kesusastraan Melayu Modern’ yang telah mengundang pelbagai reaksi daripada para sarjana sehingga ada yang menggelar beliau sebagai ‘Abdullah Paderi’ serta ‘tali barut British’. Tambah hebat apabila terdapat segolongan sarjana lain yang melabel Abdullah Munshi sebagai penganut Islam yang kuat pegangannya sebagaimana yang terpancar menerusi karya-karya beliau. Sehubungan itu kertas kerja ini akan meleraikan permasalahan di atas dengan menggunakan kaedah analisis teks terhadap *Hikayat Abdullah* dan membandingkan setiap nasihat Abdullah Munshi tersebut dengan kerangka berdasarkan *Al-Quran* dan hadis. Dapatkan kajian mendapati walau Abdullah Munshi kelihatan pro-British tetapi ajaran agama Islam yang menebal di jiwanya sedari kecil membuatkan beliau tidak terpengaruh dengan dakyah Kristian sebaliknya berusaha untuk menerapkan setiap ajaran Islam ke dalam karya yang dihasilkan. Rumusannya, jasa Abdullah Munshi sebagai tokoh tersohor yang bertanggungjawab membahagikan kesusastraan Melayu kepada dua periodisasi perlulah diingati kerana nyata beliau adalah seorang individu yang kukuh jatidirinya sebagai Melayu-Islam di rantau Alam Melayu ini.

**Kata kunci:** Abdullah Munshi, nasihat, *Hikayat Abdullah*, *Al-Quran*, *Hadis*

## ABSTRACT

The purpose of this paper is to identify the advising factor in *Hikayat Abdullah* and compare it with the *Al-Quran* and *Hadith*. This series of event cause from the coronation of Abdullah Munshi as the ‘Father of Malay Modern Literature’ which leads some various reaction from the scholars, unfortunately labels Abdullah Munshi as ‘Abdullah The Priest’ and ‘pro-British’. Contradictory, it become more interesting when some scholars label him as a good follower of Islam. Therefore, this paper will dissolved the problem stated above using text analysis on *Hikayat Abdullah* and compare the advise from Abdullah Munshi with *Al-Quran* and *Hadith*. The finding shows that eventhough Abdullah Munshi seems pro-British but the Islamic teaching has strengthen his faith ever since childhood. As a result, Abdullah Munshi is not unaffected by the teaching of Christianity but become more committed in applying all the Islamic teaching in all his work. In conclusion, Abdullah Munshi deeds as the famous figure in Islam that responsible dividing the Malay literature in two period need to be remember because he is a truly reknown Malay-Islam scholar in Malay literature.

**Keywords:** Abdullah Munshi, advise, *Hikayat Abdullah*, *Al-Quran*, *Hadith*

## 1. Pengenalan

Abdullah Munshi menerusi karya “magnum-opus”nya bertajuk *Hikayat Abdullah* banyak menceritakan situasi bagaimana beliau yang dianggap pro-Inggeris ini cuba membawa sesuatu pembaharuan dalam pemikiran masyarakat Melayu pada zaman beliau. Pembaharuan yang dibawa oleh Abdullah Munshi adalah dengan mengkritik amalan khurafat yang dijadikan panduan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat sezamannya. *Hikayat Abdullah* (2008:115) diceritakan mengenai penyembahan hantu yang mampu menunaikan hasrat yang dinginkan oleh seseorang. Penyembahan ini juga memperlihatkan kedangkan dan kecetekan masyarakat pada zamannya dalam menyekutukan Allah S.W.T. Justeru, Abdullah Munshi dianggap anti-Melayu dan pro-Inggeris menerusi kritikannya yang keras terhadap kepercayaan dan adat resam masyarakatnya (Kassim Ahmad, 2008:xxi)

Sehubungan itu, Abdullah Munshi dalam hikayatnya telah menyelar amalan-amalan tahuul masyarakat pada zamannya. Malah Abdullah Munshi telah memperkenalkan cara penulisan baru yang berpijak di bumi nyata menerusi autobiografi pertamanya ini. Keadaan ini telah menjadikan Abdullah Munshi sebagai orang pertama yang membawa pembaharuan dalam kesusasteraan Melayu moden iaitu dengan mengetengahkan unsur realisme sekaligus mengangkat Abdullah Munshi sebagai “Bapa Kesusasteraan Moden” (Wilkinson, 1907). Kajian ini diperhebatkan lagi oleh beberapa pandangan sarjana di luar negara iaitu Skinner (1978) yang menyatakan apa yang dikarang oleh Abdullah Munshi itu sebagai sesuatu yang telah memisahkan pemikiran di antara kesusasteraan tradisional dan moden. Terdapat beberapa lagi pandangan sarjana luar negara yang lain iaitu Johns (1979), Winstedt (1940), dan Thomson (1984). Tidak kurang hebatnya beberapa pandangan sarjana dalam negara iaitu Za'ba (1940), Bakar Hamid (1979), Kassim Ahmad (1981), Yahya Ismail (1987), Mohd. Taib Osman (1988) Muhammad Hj. Salleh (1988), Noriah Mohamed (2006), Marina Abdul Mutualib (2012) dan Rahimah Hamdan et al. (2016) menyatakan Abdullah Munshi tidak mengikut haluan penulis-penulis kesusasteraan tradisional lain yang lebih memilih untuk berfantasi dalam penulisan sebaliknya lebih memilih untuk menulis dalam konsep moden. Terdapat juga pendapat sarjana yang tidak mengiktiraf Abdullah Munshi sebagai “Bapa Kesusasteraan Moden” iaitu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1971) menyatakan Hamzah Fansuri lebih layak diiktiraf. Ini turut disokong oleh pandangan sarjana Barat iaitu Sweeney dan Phillip (1975), dan terdapat juga pandangan sarjana tempatan iaitu Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1997). Berdasarkan kajian di atas, tidak terdapat mana-mana pandangan sarjana yang mengaitkan unsur nasihat terhadap kanak-kanak di dalam *Hikayat Abdullah*. Aspek ini menjadi satu kepentingan dalam mencorak pemerintahan pada masa hadapan. Kebanyakkann sarjana hanya membincangkan perihal latar belakang dan sumbangan Abdullah dalam kesusasteraan Melayu moden sahaja.

Bertitik-tolak daripada inilah, kajian ini akan ditumpukan kepada unsur nasihat terhadap kanak-kanak melalui dua objektif utama iaitu mengenal pasti unsur nasihat dalam karya autobiografi terawal *Hikayat Abdullah* dan membandingkannya dengan *Al-Quran* dan Hadis. *Al-Quran* dan Hadis ini dipilih sebagai perbandingan kerana walaupun Abdullah Munshi dilabel sebagai pro-Inggeris, namun beliau tidak memilih untuk menganuti agama Kristian sebaliknya hanya menjadikan pemikiran Barat yang maju itu sebagai satu sandaran kemajuan dalam dirinya.

## 2. Abdullah Munshi Dan Hubungan Dengan Mubaligh Kristian

Keakraban Abdullah Munshi dengan mubaligh Kristian ini mendatangkan sikap iri hati masyarakat sezamannya. Menurut Siti Aisah Murad (1990:78) Abdullah bersikap negatif

terhadap orang-orang Melayu kerana sikap yang mereka miliki yang menyebabkan Abdullah tidak bersetuju dengan pandangan dan perlakuan mereka. Sebaliknya, Abdullah Mushi memuji sikap mubaligh Kristian terhadap sistem pentadbiran dan pemerintahan Inggeris hasil daripada perbandingan yang dilakukan terhadap sistem pemerintahan Raja-Raja Melayu (Zahari A. Rashid, 2012:213). Abdullah Munshi merupakan seorang penulis yang telah memulakan satu konsep yang baru dalam penulisannya apabila karyanya hanya membincangkan mengenai perkara-perkara yang terjadi di sekelilingnya dan tidak lagi tentang mitos dan dongeng. Ini dijelaskan oleh Siti Hawa Haji Salleh (2009:78), beliau tidak merekakan cerita atau hikayat untuk menghibur, tetapi beliau mengarang dengan tujuan menimbulkan kesedaran kepada pembacanya.

Dapat dilihat dalam *Hikayat Abdullah*, kemahiran Abdullah Munshi dalam bertutur pelbagai bahasa antaranya bahasa Melayu, Arab, Tamil, Hindi, Cina dan Bahasa Inggeris memberikannya satu kelebihan dalam menjalinkan hubungan dengan mubaligh Kristian. Hubungan ini timbul apabila beliau dilantik untuk menjadi penterjemah dan jurutulis kepada Stamford Raffles (Kassim Ahmad, 2008:xx). Keinginannya untuk belajar pelbagai bahasa dengan menawarkan untuk mengajar Bahasa Melayu kepada mubaligh Kristian dan begitu sebaliknya. Hal ini menjadikan Abdullah Munshi sebagai seorang pengajar bahasa Melayu yang hebat kepada mubaligh Kristian (Siti Hawa, 1997:160).

Jalinan hubungan di antara Abdullah dan mubaligh Kritisani ini tidak hanya setakat keberadaan Raffles sahaja. Ia berlarutan apabila Abdullah Munshi berkhidmat bersama mubaligh Kristian Milner dan Thomson dalam menterjemah kitab injil Matius Holanda. Ini menjadikan Abdullah Munshi sebagai pekerjaan utama Abdullah Munshi dalam penterjemahan kitab-kitab ke dalam Bahasa Melayu. Sungguhpun pada waktu itu Abdullah telah pun dilabel sebagai Abdullah Paderi tetapi sikap gigih dan tahu matlamat sebenar pada akhirnya beliau dapat menguasai bahasa yang pada tanggapan umum pada waktu itu sebagai satu yang menyesatkan (Noriah Mohamed, 2006:7). Marina Munira (2012:100) juga berpendapat bahawa walaupun pada ketika itu masyarakat setempat tidak bersetuju dengan kerjasama yang ditunjukkan oleh Abdullah Munshi, akan tetapi Abdullah Munshi berdiri teguh dan tetap memberikan bantuan yang luar biasa kepada aktiviti mubaligh Kristian. Melihatkan bagaimana hubungan Abdullah Munshi dengan mubaligh Kristian terjalin, tidak menjadikan Abdullah Munshi akan terkeluar daripada ajaran Islam. Ini dinyatakan oleh Siti Hawa (2009:77) seperti di bawah:

“Biarpun Munshi Abdullah bukan seorang ulama, terdapat suasana keislaman dalam karya karangannya. Beliau sering melihat bukan sahaja dari sudut untung rugi bangsa Melayu, tetapi mengemukakan beberapa pertimbangan dari sudut Islam”

Oleh yang demikian, dapat dilihat bagaimana kritikan yang dilemparkan oleh Abdullah Munshi tidak hanya satu kritikan kosong, malahan turut dinyatakan pertimbangan yang bersesuaian.

### 3. Nasihat Dalam *Hikayat Abdullah* Berdasarkan *Al-Quran* Dan Hadis

Menjadi lumrah pada diri manusia lalai dalam melaksanakan tanggungjawab dan melakukan kesalahan tanpa disedari. Sebagai manusia, ia telah dipertanggungjawab untuk menegur dan memberikan nasihat yang bermanfaat. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:1071), nasihat dapat didefinisikan sebagai satu ajaran, petunjuk yang baik, dan peringatan. Manakala, menurut pendapat Ali Abdul Halim (2004:64), nasihat dalam Islam adalah ajakkan atau suruhan untuk melakukan kesetiaan kepada Allah S.W.T, Nabi Muhammad S.A.W, para pemimpin Islam, dan seluruh kaum muslimin. Kaedah menasihati amat penting dalam

meningkatkan perilaku akhlak individu sebagaimana yang telah dijelaskan dalam firman Allah S.W.T seperti di bawah:

[...] Kerana itu, berpalinglah kamu daripada mereka dan berilah mereka nasihat, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang meninggalkan bekas kepada jiwanya.

(Surah *An-Nisa'*, 63)

Nasihat adalah sebagai satu panduan umat Islam dalam membina masyarakat berilmu dan bertamadun dan wajib dilaksanakan. Dalam ayat di atas jelaslah bahawa tidak hanya membiarkan mereka yang berpaling dari ajaran Islam, sebaliknya menasihati mereka dengan mengajaknya meninggalkan larangan-larangan yang telah ditetapkan dalam Islam. Terdapat juga firman Allah S.W.T yang mengancam sekeras-kerasnya bagi mereka yang tidak saling memperingati antara satu sama lain seperti firman di bawah:

Orang-orang kafir daripada Bani Israil telah dilaknat melalui lisan (ucapan) Daud dan Isa putera Maryam. Yang demikian itu kerana mereka derhaka dan selalu melampaui batas. Mereka tidak saling mencegah perbuatan mungkar yang selalu mereka lakukan. Sesungguhnya, sangat buruk apa yang mereka lakukan.

(Surah *Al-Ma'idah*, 78-79)

Petikan surah ini menyatakan bahawa masyarakat terdahulu dilaknat oleh Allah S.W.T kerana telah bersuka-suka dalam melakukan segala larangan dan tidak mencegah perbuatan yang salah di antara mereka. Balasan adalah untuk mereka kerana tidak mampu untuk menahan diri mereka dalam melakukan segala laranganNya. Paling utama adalah mereka tidak menunjukkan ketataan kepadaNya. Melalui firman Allah S.W.T tersebut dapat disimpulkan bahawa sebagai seorang umat Islam, suatu kerugian bagi mereka yang tidak mencegah perkara yang haram walaupun mereka sendiri menyedari perbuatan tersebut adalah salah. Menurut Syed Ahmad (2015:275) berpendapat tidak ada gunanya bersifat pengecut atau lemah yang bakal menghalang kita untuk membela agama yang suci, atau bersemuka dengan orang-orang yang zalim dan jahat untuk mengembalikan mereka ke jalan Allah S.W.T. Ini kerana mereka ini tergolong dalam kalangan mereka yang rugi seperti Bani Israil.

Sehubungan itu, melalui kajian ini membincangkan perbandingan unsur nasihat-nasihat yang terdapat dalam *Hikayat Abdullah* dan *al-Quran* dan Hadis. Khalid (2005:273) menyatakan dalam menganalisis dan menghurai keadaan dunia Islam, ia harus menggunakan cara pandangan yang Islami. Oleh yang demikian, nasihat-nasihat tersebut akan dilihat melalui perspektif *al-Quran* dan Hadis.

### 3.1 *Menjual anak satu kepercayaan karut*

Khurafat menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:784) mentakrifkan sebagai kepercayaan yang karut, dongeng dan tayahul. Khurafat adalah satu perkara yang bertentangan dengan logik akal yang sihat dan tidak bersandarkan kepada realiti, kerana ia merupakan sesuatu yang batil, langsung tidak mengandungi unsur kebenaran (Rogayah, 2016:949). Amalan khurafat ini berkait rapat dengan petikan yang menjelaskan bahawa adat dalam menjual anak adalah satu adat yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti di bawah:

“Syahadan, adalah halku daripada masa telah diperanakkannya itu sehingga empat bulan juga lamanya, adalah sihat tubuhku dan pulihlah air mandiku. Maka kemudian daripada itu tiadalah merasai senang, melainkan sehari-hari dalam penyakit, tidak satu, satu. Maka beberapa wang ibu bapaku habis sebab membelanjakan ubat: ada kepada orang Keling dan Melayu dan Cina. Dua tiga hari baik, empat lima hari sakit. Maka bondaku pun duduklah dalam susah lagi penat lelahnya. Maka barang di mana sahaja dan orang yang tau ubat, maka dibawalah akan daku ke sana. Hatta. Maka dengan hal yang

demikian, maka kata orang-orang sekalian, jikala demikian hal budak ini, tiada berhenti daripada penyakit sahaja, bahawa barangkali ibu bapanya tiada serasi memelihara akan dia, baiklah dijualkan kepada orang yang ada beranak banyak, karena demikianlah diperbuat oleh orang tua-tua.”

(*Hikayat Abdullah*, 2008:14-15)

Faktor kesihatan anak yang dikatakan menjadi satu punca tidak sesuai di bawah penjagaan ibu bapanya. Oleh yang demikian, djualnya anak tersebut kepada keluarga lain dan dipercayai anak tersebut akan sihat. Adat ini memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu tidak mempercayai kekuasaan Allah S.W.T. Fadzil Adam et al. (2014:2) menyatakan kurangnya pendidikan agama telah menyebabkan berlakunya amalan khurafat. Tambahnya lagi, pemikiran masyarakat Melayu yang singkat akan mencorakkan perbuatan mereka, tanpa mereka merujuk kepada golongan yang lebih arif tentang persoalan agama. Abdullah juga menyatakan nasihatnya kepada masyarakat sezamannya seperti berikut:

“Bawaha ini pun satu adat nenek moyang bodoh yang tiada ia mengetahui Allah Ta’ala, adakah sebab dijualkan itu menjadi panjang umurnya dan jikalau dipelihara oleh ibu bapanya menjadi pendek umurnya atau mati? Maka sekali-kali jangan kita percaya yang demikian.”

(*Hikayat Abdullah*, 2008:15)

Abdullah Munshi turut menjelaskan secara rasionalnya mengenai adat menjual anak sebagai satu adat yang bodoh. Masyarakat sezamannya tidak berpaksikan Allah S.W.T iaitu dengan mempercayai adat yang mampu memberikan kebahagiaan walhal adat tersebut menyimpang daripada ajaran Islam. Muhammad Jamaluddin (2012:78) menyatakan semakin banyak pengetahuan mengenai Allah S.W.T, semakin bertambah rasa takut dan ketakwaan kepada-Nya. Jelas menunjukkan amalan khurafat adalah salah satu amalan yang mencanggah dalam ajaran Islam kerana dengan sengaja menyekutukan Allah S.W.T. surah *al-Talaq* ayat 3 ada menjelaskan mengenai ketaatan kepada Allah S.W.T dalam pelbagai perkara akan membawa hasil seperti berikut:

[...] Dan (ingatlah), sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya.

Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Manusia adalah sebaik-baik ciptaan Allah S.W.T kerana dikurniakan akal fikiran yang mampu membezakan antara baik dan buruk berbanding makhluk lain (*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, 2009:21). Oleh yang demikian, surah ini menjelaskan agar umat Islam bersandarkan kepada Allah S.W.T dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu perkara yang lain. Syed Ahmad (2015:14) menyatakan Allah S.W.T itu harus ditaati, tidak boleh dimaksiati, harus diingati, tiada boleh dilupai dan harus disyukuri, tiada boleh dikufuri.

### 3.2 Kepentingan ilmu dalam kehidupan

Ilmu yang benar mampu membimbing manusia untuk membezakan antara perkara baik dan buruk. Kepentingan ilmu dalam kehidupan adalah bertujuan untuk menjauhi perkara yang buruk dan mampu mendatangkan kemudaratannya sekiranya tidak menggunakan ilmu itu kejalan yang bermanfat. Sebaiknya pengguna menggunakan ilmu yang bermanfaat sehingga mendatangkan kebaikan buat dirinya, orang sekeliling mahupun alam semesta. pengalaman Abdullah Munshi semasa kecil yang sentiasa dilingkungi oleh situasi yang mementingkan ilmu menyebabkan Abdullah bersikap positif dalam apa jua ilmu seperti ilmu agama, ilmu Bahasa dan ilmu kira-kira (Siti Aisah Murad, 1990:78). Melalui ilmu juga manusia dapat mengeratkan hubungan tali persaudaraan dan dengan ilmu manusia dapat mengetahui segala yang halal dan haram sebagai pendapat Syeikh Muhammad Jamaluddin

(2012:14). Antara petikan yang terdapat di dalam *Hikayat Abdullah* yang menjelaskan kepentingan ilmu seperti berikut:

“Anak, mengapa engkau bodoh ini? Bukankah belum sampai akalmu? Sampai-sampailah engkau budak-budak; sekarang belum lagi engkau tau akan gunanya ilmu itu dan kasih ibu bapa itu akan anaknya. Bahawa bukankah engkau ini anakku seorang? Maka jikalau tiada engkau tau mengaji dan menulis, seperti pekerjaan anak orang baik-baik, nescaya kemudian kelak, besarlah engkau sesalkan atas ibu bapamu itu, sebab tiada mengajar engkau akan perkara yang baik itu. Adapun pada masa ini engkau rasai ia itu terlebih pahit daripada hempedu. Nanti kemudian kelak baharulah engkau tau adapun ia itu terlebih manis daripada air madu. Maka pada masa itulah baharu kelak engkau puji akan kebaikan ibu bapamu itu. Syahadan, jikalau kami kedua tinggalkan kepadamu beberapa banyak harta sekalipun, jikalau tiada untungmu, nescaya sebentar juga ia lenyap daripada matamu, tetapi ilmu dan pengajaran yang baik itu bukannya demikian, sehingga bercerailah nyawa daripada tubuhmu maka ia pun bercerailah.”

(*Hikayat Abdullah*, 2008:34-35)

Indahnya orang yang mempunyai ilmu pengetahuan ini diibaratkan sebagai air madu dan ia berkekalan sehingga nyawa dicabut dari badan. Tiada kekayaan lain yang mampu menandingi kehebatan kekayaan ilmu pengetahuan. Ilmu perlu dipupuk dari awal lagi dengan harapan ilmu yang dituntut itu tidak akan pudar dan boleh dimanfaatkan dari masa ke semasa. Setiap ilmu yang dipelajari bukan semata-mata untuk kepentingan ilmu itu sendiri, melainkan untuk kepentingan hidup manusia (Abuddin Nata, 2009:171). Orang yang tinggi tahap keilmuannya mampu menempatkan dirinya di tengah-tengah masyarakat sebagai satu tarikan unsur yang baik, bermanfaat dan dapat diterima khalayak. Kedudukan ilmu menjadi satu ciri-ciri manusia yang memahami dan menghayati tatacara adab, budaya dan agama masyarakat sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam *Al-Quran* seperti berikut:

“Dan orang-orang yang diberi ilmu berpendapat bahawa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu itulah yang benar dan memberi petunjuk kepada jalan Allah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Terpuji.”

(Surah *Saba'*, 6)

“Dan demikian (pula) di antara manusia, makhluk bergerak yang bernyawa, dan haiwan-haiwan ternakan ada yang bermacam-macam warnanya dan jenisnya. Di antara Hamba-hamba Allah yang takut kepada-Nya, hanyalah para ulama (orang-orang yang mengetahui ilmu kebesaran dan kekuasaan Allah). Sesngguhnya, Allah Maha Perkasa, lagi Maha Pengampun.”

(Surah *Fatir*, 28)

Melalui firman Allah S.W.T tersebut jelas menunjukkan setiap perbuatan yang baik itu akan memperoleh ganjaran. Hal ini kerana, orang yang berilmu lebih mengetahui halal dan haram sesuatu perkara berbanding mereka yang tidak memiliki ilmu pengetahuan. Maka, mereka yang cetek ilmu ini sentiasa melakukan kesalahan akibat dari tidak mementingkan ilmu. Menurut Muhammad Jamaluddin (2012:6), Rasulullah S.A.W bersabda mengenai kepentingan ilmu dalam kehidupan adalah seperti berikut:

“Barang siapa menempuh suatu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan menempuh suatu jalan untuknya menuju ke syurga.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis ini diperhatikan betapa tingginya nilai ilmu pengetahuan itu sehingga Allah S.W.T membuka jalan bagi mereka yang menuntut ilmu setaraf dengan menuju ke syurga. Hal ini kerana, melalui ilmu pengetahuan, seseorang itu mampu memberi peringatan dan petunjuk kepada orang lain. Di dalam *Hikayat Abdullah* turut menyatakan bagaimana Abdullah

Munshi bersungguh untuk belajar bahasa Melayu, Keling, Hindustan dan bahasa Inggeris. Melalui kepelbagaiannya yang dipelajari oleh Abdullah Munshi menjadikan beliau seorang guru bahasa kepada British dan kesungguhan mempelajari bahasa ibunda lain.

### 3.3 Solat dan hukuman meninggalkannya

Rukun Islam yang kedua adalah sembahyang lima waktu. Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab umat Islam dalam menunaikan solat fardhu. Seseorang itu sentiasa berada dalam dosa selagi dia tidak menunaikan sembahyangnya (Udah Mohsin, 2008:15). Ini menunjukkan betapa pentingnya amalan sembahyang melebihi tuntutan ibadat yang lain dalam kehidupan seharian. Ini kerana melalui solat dapat membezakan antara Muslim sejati atau hanya mencari kekayaan di dunia semata. Menjadi perbezaannya kini adalah tanggungjawab dalam menunaikan solat. Solat adalah tiang agama dan tanpa solat, matlamat hidup di hanya mencari kekayaan di dunia sedang akhirat dianggap miskin amal ibadatnya.

“[...] maka bapaku memberi perintah akan daku dapat tiada hendaklah aku hadir pada tiap-tiap lima waktu sembahyang di masjid. Maka jikalau tiada dilihatnya aku pergi satu waktu, tentulah kena rotan”.

(*Hikayat Abdullah*, 2008:28)

Kanak-kanak adalah satu amanah yang diturunkan oleh Allah S.W.T dan ibu bapa mahupun penjaga bertanggungjawab dalam menanamkan dan membentuk perilaku anak-anak. Surah *Luqman* ayat 17 dan juga sabda Rasulullah S.A.W (Abdullah Nasih, 2015:236) ada menyatakan mengenai nasihat solat kepada anaknya seperti di bawah:

“Wahai anakku! Laksanakanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu, sesungguhnya yang demikian itu termasuk perkara yang penting.”

(Surah *Luqman*, 17)

“Perintahlah anak-anak kamu solat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka sekiranya meninggalkan solat pada umur 10 tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka.”

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Melalui firman Allah S.W.T dan sabda Rasulullah S.A.W di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya penerapan solat bagi kalangan kanak-kanak Islam. Jika kanak-kanak telah didedahkan akan perkara yang haram dilakukan, kelak dewasa nanti mudah bagi kanak-kanak tersebut menghindari perkara-perkara yang tidak membawa manfaat. Nik Ismah (1991:25) menjelaskan Islam menegaskan supaya dalam memberi nasihat dan petunjuk hendaklah berpegang dengan ajarannya yang suci dan mulia sekalipun sesuatu itu agak keras atau kasar. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai Islam ini bertujuan bagi membentuk jiwa Islam dalam diri kanak-kanak.

### 3.4 Pembentukan disiplin berdasarkan hukuman

Dalam mendapatkan kualiti pendidikan, Abdullah Munshi sering memaparkan bagaimana bapanya Abdul Kadir mendidik beliau sehingga beliau mampu untuk menjadi pengajar. Pada awalnya, Abdullah Munshi sering mengeluh kerana zaman kanak-kanaknya tidak sama seperti kanak-kanak lain, boleh bermain tanpa perlu bersungguh-sungguh dalam pembelajaran. Akhirnya, dalam keluhannya itu berjaya membuktikan bahawa tatacara disiplin yang ditekankan oleh Abdul Kadir sebagai satu tindakan yang relevan. Hukuman yang dilakukan sebagai satu sesi pembelajaran kepada Abdullah Munshi akhirnya membawa hasil.

“Maka itulah pekerjaanku, pada tiap-tiap malam pergi menunjukkan nama-nama orang itu. Maka dalam pada itu pun, beberapa kena tampar dan nista. Maka barang nama-nama yang tiada betul rangkai hurufnya itu digantungnya di leherku supaya malu. Maka adalah kira-kira sebulan lamanya demikian itu baharulah betul menulis segala nama-nama orang”.

(*Hikayat Abdullah*, 2008:28)

Diibaratkan seperti melentur buluh biarlah dari rebungnya. Zaman kanak-kanak adalah waktu yang bertepatan bagi menerapkan pelbagai ilmu. Hal ini demikian kerana pada tahap ini kanak-kanak masih lagi mentah dan mudah untuk dibentuk. Diyakini apabila dewasa, amalan atau pengajaran ini akan terbiasa dilakukan. Saat Sulaiman (2008:70) menjelaskan bahawa manusia berdisiplin tidak akan membuang masa, tidak menyusahkan ibu bapa dan tidak hanya mengharapkan ibu bapa membantu tetapi menjadi manusia yang berdikari sejak usia kanak-kanak. Abdullah Munshi sering menceritakan bagaimana zaman kanak-kanaknya mendapat hukuman atas kesalahan salah menulis. Hukuman fizikal ialah mengenakan hukuman yang menimbulkan rasa sakit kepada pelajar dalam keadaan yang kurang selesa dalam jangka masa tertentu (Ahmad Kilani Mohamed, 2003:162). Hal ini bertujuan bagi memberi pengajaran atas kesalahan yang dilakukan dan berharap kanak-kanak tersebut tidak mengulanginya lagi. Di dalam *Hikayat Abdullah* (2008:23-24) juga ada menceritakan mengenai beberapa hukuman yang dilaksanakan pada zaman tersebut buat kanak-kanak yang melakukan kejahatan seperti jadual 1.

JADUAL 1. Alat menghukum

Alat menghukum	Kesalahan
Rotan dan apit cina	Hukuman mencuri dan memukul rakan
Kayu palat	Budak-budak pelari mengaji, memanjat pohon-pohon dan menendang kawan-kawannya
Rantai besi	Budak-budak yang lari, selalu berkelahi, tidak mendengar kata dan lambat belajar

Jadual 1 menyatakan bahawa masyarakat Melayu tradisional memberi hukuman yang berat berdasarkan kategori yang dilakukan. Misalnya bagi hukuman mencuri dan memuluk rakan di kawasan sekolah, pelajar tersebut akan dikenakan hukuman rotan dan apit cina. Apit cina yang diperbuat daripada rotan saga mempunyai empat keping dan tiap satunya mempunyai kepanjangan kira-kira sejengkal. Hujung kepingan akan dimatikan manakala hujung lagi satu akan diberikan tali panjang. Jari tangan pelajar tersebut akan diletakkan di celahan rotan dan dikepit. Seterusnya adalah hukuman bagi pelajar yang lari dari mengaji, memanjat pokok dan menendang rakan-rakannya yang lain. Kayu palat ini diperbuat daripada sekeping kayu yang dianggarkan kepanjangannya sebelah dada, ditebuk tiga (3) lubang (kiri, tengah, kanan) dan dimasukkan tali pada lubang tengah dan dimatikan pada hujung lubang kiri dan kanan. Kaki pelajar akan dimasukkan di antara celahan lubang-lubang tali itu dan dipusingkan ke atas. Tapak pesalah pelajar tersebut tadi akan dipukul. Terakhir adalah hukuman bagi pelajar yang lari, suka berkelahi, tidak mahu mendengar kata dan lambat belajar pula akan dikenakan hukuman rantai besi. Rantai besi yang dianggarkan kepanjangan rantai besi adalah sedepa dan dipakukan di atas kepala kayu balak. Hujung rantai akan dikunci. Punggung pelajar akan dikunci rantai besi di dan dipaksa berjalan keliling kawasan sekolahnya.

JADUAL 2: Hukuman berdasarkan tindakan

Hukuman	Kesalahan
Singgang	Tidak mendengar kata dan jahat
Tonggeng atas asap	Malas mengaji
Diikat di tiang	Salah mengaji
Digantung kedua-dua belah tangannya	Melawan, pelari dan pencuri
Sesah pantatnya	Jahat dan pelari
Gosok lada cina di mulutnya	Bohong dan memaki orang

Demikian juga dalam jadual 2, di mana hukuman yang dikenakan terhadap pelajar sekolah itu akan lebih berat berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Misalnya kesalahan pelajar yang tidak mendengar kata akan dikenakan hukuman singgang. Hukuman ini memerlukan pelajar memegang telinga kiri menggunakan tangan kanan dan telinga kanan menggunakan tangan kiri. Pelajar tersebut juga akan disuruh bangun dan duduk tiada henti. Masyarakat Melayu juga memandang berat pelajar yang culas dan salah dalam mengaji. Pelajar ini akan dikenakan hukuman tonggeng atas asap mahupun diikat di tiang. tonggeng atas asap ini dilakukan dengan membakar sabut kering dan pelajar tersebut akan ditonggengkan ke atas asap. Bagi hukuman ikat di tiang pula pelajar tersebut akan diikat di tiang dan membaca papan lohnya sehingga bacaan tersebut lancar. Berlainan pula hukuman bagi pelajar yang melawan, lari dari tempat belajar dan mencuri. Pelajar ini akan dikenakan hukuman gantung kedua-dua tangan atau dipukul punggungnya. Bagi pelajar yang terlalu jahat mulutnya iaitu berkata bohong dan sering memaki orang lain, akan digosok mulut pelajar tersebut dengan lada cina.

Jadual 1 dan jadual 2 merupakan hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam *Hikayat Abdullah* (2008:23-24) yang bertujuan bagi memberi pengajaran kepada pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan. Hukuman-hukuman yang dinyatakan adalah bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut mendengar kata dan rajin dalam persekolahan. *Hikayat Abdullah* (2008:28) ada menceritakan bagaimana Abdullah Munshi dihukum akibat salah menulis nama dan sehingga akhirnya Abdullah Munshi beroleh kejayaan. Kamarul Azmi (2008:7) menyatakan bahawa pertimbangan perlu diambil kira dari pelbagai aspek agar hukuman yang diputuskan dan dilaksanakan benar-benar mendidik anak ke arah jalan yang lurus dan bukan menjadikan anak semakin jauh daripada kebenaran. Rasulullah S.A.W bersabda yang dipetik oleh Kamarul Azmi (2008:4):

“Gantunglah cambut (di rumah) agar dapat dilihat oleh ahli rumahmu (anak-anakmu) kerana sesungguhnya perbuatan ini akan mendidik mereka.”

(Hadis Riwayat Al-Tabrani)

Dalam hadis di atas, menyarankan agar setiap isi rumah memamerkan alat untuk menghukum. Hal ini bagi memberi peringatan kepada anak-anak untuk tidak terus melakukan kesalahan. Hukuman ini lebih kepada bermain dengan psikologi kanak-kanak. Hanya sekadar memberi amaran kepada mereka untuk tidak melakukan kesalahan. Menurut Noor Hajidah Hassan (2014:25) sebagai memetik pendapat Nik Salida merotan seperti yang dianjurkan dalam Islam mampu membentuk disiplin anak-anak kerana ia dianggap sebagai suatu pengajaran dan peringatan sekiranya mereka melakukan kesalahan. Justeru itu, hukuman dalam Islam akan membentuk jati diri kanak-kanak seperti kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Melalui peringkat awal ini akan memudahkan mereka menerima pengajaran.

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat unsur nasihat berlandaskan *Al-Quran* dan Hadis yang menjadi panduan dalam masyarakat. Hal ini dilihat menerusi *Hikayat Abdullah* yang merupakan sebuah karya kesusasteraan moden menggambarkan bagaimana kritikan-kritikan yang dibuat oleh Abdullah Munshi menyedarkan rakyat sezamannya untuk bangun dan celik mengenai budaya khurafat yang sering diamalkan. Cerita-cerita yang dipamerkan adalah cerita yang benar-benar berlaku pada zaman tersebut. Justeru, konsep berpijak di bumi yang nyata seperti yang diutarakan oleh Abdullah Munshi merupakan pemisah kepada konsep kesusasteraan tradisional. Melalui penekanan konsep ini juga menyebabkan terhapusnya cerita dogeng, tahuul dan khurafat yang telah lama bertapak di alam Melayu.

## Rujukan

- A. Bakar Hamid. (1979). *Diskusi Sastera, Jil.II: Kesusasteraan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Al-Hadad. (2015). *Nasihat Agama Dan Wasiat Iman*. Terj. Syed Ahmad Semait Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2015). *Tarbiyatul Aulad Jilid 2*. Terj. Mohd Ikhwan. Selangor: Publishing House Sendirian Berhad.
- Abuddin Nata. (2009). *Perspektif Islam Tentang Strategi Pembelajaran*. Indonesia: Kencana Prenadamedia Group.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Abdul Halim. (2004). *Dakwah Fardiyah Metode Membentuk Peribadi Muslim*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Quran Al-Karim*. (2014). Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. (2012). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Bab 1-10. Selangor: Illusion Network.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi. (2012). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali*. Bab 18-23. Selangor: Illusion Network.
- Allamah Dr Hassan Ali Al-Saqqaf Al-Qurasyi Al-Hasyimi. (2010). *Sifat Solat Nabi Yang Sahih*. Selangor: Pro Inside Enterprise.
- Fadzil Adam, Firdaus Khairi, Abd Hakim Mohad. (2014). *Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya Dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). *Koleksi Artikel Tafsir Siri 3*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
- John. A.H. (1979). 'The Turning Image and Reality in Malay Perceptions of the Past'. In A.Reid & D.Marr, *Perceptions of the Past in Southeast Asia*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2008). Penggunaan Hukuman Fizikal Dalam Pendidikan Anak-Anak. *1st National Seminar on Child Law 2008*. Jurnal Julai 13: 7-13.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1981). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Khalid A. Mu'thi Khalif. (2005). *Nasihat Untuk Orang-Orang Lalai*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Marina Munira Abdul Mutalib. (2012). *The Contribution Of Abdullah Munsyi In Malay Literary Works*. Jurnal 'Abqari vol.2,2012.
- Mohd. Taib Osman. (1988). 'Moden Malay Literature'. In Muhammad Hj. Salleh. *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature*. Pp.281-293. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hj. Salleh. (1988). *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Ismah Hj. Abdul Rahman. (1991). *Ibu dan Anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Noor Hajidah Hassan. (2014). *Akta Kanak-Kanak 2001 Lindungi Hak Kanak-Kanak*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed. (2006). *Munsyi Abdullah dan Budaya Ilmu*. Dalam kertas kerja Wacana Minda Munsyi Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Hmadan, Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Perspective of Abdullah Munshi As The Father Of Modern Malay Literature. *Journal Of Scientific Research and Development*. 3(7): 73-77.
- Rogayah, Zainora Daud. (2016). Doktrin Khurafat: Pemahaman Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*. Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Saat Sulaiman. (2008). *Anak Adalah Anugerah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Aisah Murad. (1990). Bulan Julai. *Menghayati Pengalaman dan Pemikiran Abdullah Munsyi*. Dewan Sastera, 78-81.
- Siti Hawa Hj Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Hj Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1971). *Concluding Postscript to the Origin of Malay Shair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skinner, C. (1978). 'Transitional Malay Literature. Part 1. Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 134 (3,): 466-487.
- Sweeney, A. and Phillips, N. (1975). *The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thomson, J.T. (1984). *Glimpses into Life in Malayan Lands*. Singapore: Oxford University Press.
- Udah Mohsin. (2008). *Mari Kita Sembahyang Sebelum Kita Disembahyangkan*. Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd.Tahir. (1997). 'R.J.Wilkinson dan Pensejarahan Kesusasteraan Melayu Moden. In.Shafie Abu Bakar & Mohamed Anwar Omar Din (Eds). *Peradaban Melayu*', *Jabatan Persuratan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Jamal bin Haji Wan Mat Saman. (2005). *Cerita & Doa dari Hadis dan Al-Quran*. Selangor: WJSB Resources.
- Wilkinson, R.J. (1907). 'Malay Literature, Part 1. Romance, History, Poetry'. *Papers on Malay Subjects*. The Federated Malay States Government Press.
- Winstedt, R.O. (1940). 'A History of Malay Literature', *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, p.xvii.
- Yahya Ismail. (1987). *Sejarah Sastra Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Zahari A. Rashid. (2012). *Kenang-Kenangan Abdullah Munsyi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Ahmad. (1940). ‘Modern Developments’, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17: 142-162.